



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN KONSULTASI SECARA MAYA (*VIRTUAL CONSULTATION SERVICES*) DI KLINIK KESIHATAN

MyGovUC 2.0 Google Workspace (GWS) melalui
aplikasi Google Meet



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

2022

Kata-Kata Aluan Pengarah

Kementerian Kesihatan Malaysia kini menempa sejarah kerana berjaya melaksanakan inisiatif Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya (*Virtual Consultation Services*) di klinik kesihatan buat julung kalinya. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga berasa amat bertuah kerana telah diberi tanggungjawab oleh Y.B. Menteri Kesihatan, untuk melaksanakan perkhidmatan ini secara *Proof of Concept* (PoC) pada 11 Mac 2019. Objektif pelaksanaan PoC ini adalah memastikan kebolehterimaan pelanggan dan kebolehlaksanaan pihak anggota kesihatan terhadap perkhidmatan baru ini.



Di peringkat awal, perkhidmatan ini dimulakan di 5 klinik kesihatan yang terpilih bagi tempoh satu tahun, iaitu dari 14 Ogos 2019 hingga 13 Ogos 2020. Skop Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya khusus untuk saringan kesihatan, rawatan susulan bagi penyakit kronik seperti Hipertensi atau Diabetes yang stabil.

Perkhidmatan ini telah diperkembangkan kepada 35 klinik kesihatan dalam era pandemik COVID-19. Langkah ini adalah amat bertepatan pada waktu itu, bagi mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan, serta untuk melindungi pelanggan dan anggota kesihatan. Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya turut diterima baik oleh semua pihak, selain sejajar dengan amalan norma baharu dan usaha pendigitalan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan buat semua pihak yang telah terlibat terutama kepada pihak MAMPU atas perkongsian kepakaran dalam penyediaan tatacara penggunaan *Google Meet MyGovUC 2.0*.

Syabas dan tahniah juga kepada warga kerja yang telah menyediakan garis panduan ini secara terperinci bagi rujukan dan kegunaan semua anggota kesihatan di seluruh negara. Harapan saya, agar Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya akan lebih mantap melalui piawaian dan panduan yang telah ditetapkan.

Semoga dengan cara ini, matlamat kita untuk memastikan capaian secepat kepada penjagaan kesihatan primer berjaya direalisasikan. Insha Allah.

Dato' Dr. Mohamed Sapian Bin Mohamed

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penghargaan

Penasihat

Dato' Dr. Mohamed Sapian Bin Mohamed

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Mastura binti Hj. Ismail

Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Editor

Dr. Kawselyah Juval

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Muhammad Zulkifli Abdul Rahim

Penolong Pegawai Perubatan Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Penyumbang

Dr. Noridah binti Mohd Salleh

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Ida Dalina binti Noordin

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Norizah binti Ibrahim

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Thilainathan a/I Krishnan

Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja) U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pn. Amal Farhana binti Adenan

Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U44
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pn. Norasimah binti Kassim

Pegawai Dietetik U48
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Dr. Rozita binti Zakaria

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18, Putrajaya

Dr. Maziah binti Ishak

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Petrajaya, Kuching

Dr. Mazlinah binti Muda

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Bukit Payong, Marang

Dr. Hanihaselah binti Mohd Saleh

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Mengkibol, Kluang

Dr. Yong Kui Choon

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Chemor, Ipoh

Dr. Rupinder Kaur

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Kelana Jaya

Dr. Raymond Premanand

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Tanah Rata, Cameron Highlands

Dr. Ahmad Fithri Azam bin Abdul Rahman

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Peringgit, Melaka Tengah

Dr. Tang Wei Shuang

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Jalan Perak, Pulau Pinang

Dr. Rozimah binti Abdul Latif

Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Merchang, Marang

Hj. Mohd Lazim bin Kadir

Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Sektor Pembangunan Polisi Primer
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

En. Kamarul Bahrin bin Mansor

Penyelia Penolong Pegawai Perubatan
Sektor Pembangunan Polisi Primer
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pn. Nor Suzi binti Ahmad

Penyelia Jururawat
Sektor Pembangunan Polisi Primer
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Daftar Kata

ACT	Asthma Control Test
ADHD	Attention Deficit Hyperactivity Disorder
ADL	Activity of Daily Living
AFB	Acid Fast Basili
BPKK	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
CD	Communicable Disease
CPG	Clinical Practice Guidelines
COPD	Chronic Obstructive Pulmonary Disease
DAA	Direct Acting Antivirals
DASS	Depression Anxiety Stress Scale
DOTS	Direct Observed Treatment Short-Course
EMR	Electronic Medical Record
FMS	Family Medicine Specialist
GDD	Global Developmental Delay
GDM	Gestational Diabetes Mellitus
GINA	Global Initiative for Asthma
HB	Haemoglobin
HIV	Human Immunodeficiency Virus
HPT	Hypertension
ICT	Information Communication Technology
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
KBM	Klinik Berhenti Merokok
KK	Klinik Kesihatan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LAN	Local Area Network
MAMPU	Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit
MDI	Metered Dose Inhaler
MDT	Multi-Diciplinary Team
MMC	Malaysian Medical Council
MOH	Ministry of Health
MTAC	Medication Therapy Adherence Clinic
MyGovUC	Malaysian Government Unified Communication
NCD	Non-Communicable Disease
OPD	Out Patient Department



OGTT	Oral Glucose Tolerance Test
OT	Occupational Therapy
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PP	Pegawai Perubatan
PPP	Penolong Pegawai Perubatan
PT	Physiotherapy
POC	Proof of Concept
RP	Renal Profile
RVD	Retroviral Disease
SOP	Standard Operating Procedure
SMS	Short Message Service
TB	Tuberculosis
TPC	Teleprimary Care
TPC-OHCIS	Teleprimary Care and Oral Health Clinical Information System
VAS	Value Added Services
WHO	World Health Organisation



1. Pengenalan

Perkhidmatan Telemedicine telah diperkenalkan semenjak tahun 1997, untuk Pegawai Perubatan di fasiliti luar bandar melakukan konsultasi dengan pakar di hospital, terutama di Sabah dan Sarawak.

Pada Mei 2018, Pendigitalan Kesihatan telah menjadi salah satu resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA). Susulan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited untuk melaksanakan perkhidmatan pendigitalan kesihatan bagi meningkatkan kecapaian kepada penjagaan kesihatan yang bersepadu, berkualiti dan mampan di Malaysia.

Perkhidmatan Klinik Virtual di klinik kesihatan telah digariskan di bawah inisiatif *National Health Reform Agenda* pada 2019 dan juga terkandung di dalam Rancangan Malaysia ke 12. Ia telah diumumkan pada Hari Terbuka *Electronic Medical Record* pada 2 Mei 2019. Perkhidmatan ini dahulunya dikenali sebagai Klinik Virtual, dan kini telah membuat penjenamaan semula kepada Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya (*Virtual Consultation Services*).

Garis Panduan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di klinik kesihatan diwujudkan sebagai panduan kepada anggota kesihatan di klinik kesihatan yang terlibat di seluruh Malaysia. Sebelum ini, garis panduan telah disediakan bagi perkhidmatan ini dengan menggunakan sistem *Skype for Business* pada tahun 2019 dan tahun 2020 menggunakan aplikasi *BookDoc*.

2. Proof of Concept (PoC)

Pada 11 Mac 2019, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) telah diberi mandat oleh YB Menteri Kesihatan untuk melaksanakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya secara *Proof of Concept* (PoC) di klinik kesihatan terpilih bagi tempoh satu (1) tahun bermula 14 Ogos 2019 hingga 13 Ogos 2020.

Bagi pelaksanaan PoC ini, BPKK telah mengenalpasti keperluan untuk menyediakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya seperti garis panduan, keperluan peralatan ICT, kesediaan anggota klinik kesihatan dan sistem yang bersesuaian. Untuk PoC ini *Skype for Business*, MyGovUC telah dikenalpasti sebagai sistem yang bersesuaian. Dengan itu, KKM telah bekerjasama dengan pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk menggunakan sistem tersebut.

Lima (5) klinik kesihatan telah dipilih berdasarkan beban kerja, kesesuaian fasiliti bangunan dan lokasi kedudukan klinik (bandar dan pinggir bandar) serta klinik yang menggunakan sistem *Tele Primary Care* (TPC) dan tanpa kemudahan TPC. Klinik kesihatan yang dipilih bagi melaksanakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya untuk PoC adalah seperti berikut;

- a) Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam, Selangor
- b) Klinik Kesihatan Presint 18, Putrajaya, WP Putrajaya
- c) Klinik Kesihatan Seberang Jaya, Pulau Pinang
- d) Klinik Kesihatan Luyang, Sabah
- e) Klinik Kesihatan Tudan, Sarawak

Sepanjang tempoh pelaksanaan PoC, sejumlah 3,101 orang telah berdaftar dan daripada jumlah itu, seramai 2,406 (78%) orang telah berjaya menggunakan perkhidmatan ini tanpa gangguan rangkaian.

3. Peluasan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya

Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini dipeluaskan daripada 5 klinik kesihatan kepada 40 klinik kesihatan semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Peluasan ini dapat meneruskan kecapaian masyarakat kepada penjagaan kesihatan primer di samping mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelanggan dan anggota kesihatan.

Bagi peluasan ini, KKM telah mengenalpasti sistem alternatif bagi kesinambungan perkhidmatan ini memandangkan kontrak *Skype for Business* pihak MAMPU tamat pada 31 Disember 2020. Sistem diperolehi melalui penyumberluaran dengan Syarikat *BookDoc* secara kontrak bermula 1 September 2020 hingga 30 April 2022.

Setelah kontrak dengan syarikat *BookDoc* tamat maka KKM telah bekerjasama sekali lagi dengan pihak MAMPU untuk menggunakan sistem *Google Workspace* (GWS) MyGovUC 2.0 melalui aplikasi *Google Meet* bagi peluasan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di seluruh Malaysia sementara menunggu platform *Electronic Medical Record* (EMR) dibangunkan untuk KKM.

4. Definisi

- 4.1 **Konsultasi Maya** adalah satu kaedah penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Secara Maya (virtual), langsung (live) dan interaktif yang merangkumi konsultasi klinikal dan pelan rawatan pelanggan di antara anggota kesihatan dan pelanggan.
- 4.2 **Perkhidmatan pelengkap** adalah perkhidmatan yang disediakan melalui Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya sebagai pelengkap kepada perkhidmatan klinik sedia ada untuk memudahkan pelanggan menerima perkhidmatan kesihatan. Perkhidmatan ini boleh menjimatkan masa dan kos pengangkutan, mengurangkan sesi lawatan ke klinik dan tidak perlu menunggu lama di klinik kesihatan.
- 4.3 **Anggota Kesihatan** adalah anggota pelaksana yang terlibat atau menyediakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di klinik kesihatan.
- 4.4 **Pelanggan** adalah individu yang layak untuk menggunakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya dan mempunyai kemudahan alat komunikasi serta rangkaian internet yang stabil.
- 4.5 **Persetujuan secara bertulis** adalah persetujuan yang dibuat oleh pelanggan secara bertulis melalui Borang Persetujuan Konsultasi Secara Maya (**Lampiran 3**) bagi pelanggan yang layak mendapatkan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya.

5. Objektif

- 5.1 Mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan.
- 5.2 Meningkatkan kecapaian pelanggan kepada perkhidmatan kesihatan primer.
- 5.3 Mengamalkan norma baru bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19.
- 5.4 Mengurangkan bilangan sesi lawatan secara fizikal ke klinik bagi memutuskan rantai jangkitan penyakit berjangkit seperti COVID-19.
- 5.5 Merealisasikan inisiatif KKM kearah pendigitalan kesihatan negara.

6. Polisi Am

- 6.1 Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya perlu mengikut piawaian perkhidmatan di klinik kesihatan dengan menyediakan perkhidmatan yang sistematik dan berkualiti. Penjagaan Kesihatan Primer yang optima mestilah berpandukan kepada *Standard Operating Procedures (SOP)*, *Clinical Practice Guidelines (CPG)*, Pekeliling dan lain-lain arahan semasa sejajar dengan pendigitalan kesihatan.
- 6.2 Preskripsi ubat baru dan pengeluaran sijil sakit adalah tidak termasuk dalam skop penyediaan perkhidmatan ini.

7. Skop Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya

7.1 Jabatan Pesakit Luar

- a) Perkhidmatan konsultasi pelan penjagaan bagi kes kronik seperti *Non-Communicable Disease (NCD)*, *Communicable Disease (CD)*, *respiratory disease* dan lain-lain.
- b) Pemakluman keputusan ujian makmal dan radiologi.
- c) Pendidikan kesihatan.
- d) Pemberian janji temu lawatan susulan.
- e) Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok (KBM).
- f) *Direct Observed Treatment Short-Course (DOTS)* untuk pesakit TB.
- g) Rawatan susulan pesakit *Human Immunodeficiency Virus (HIV)*.

7.2 Kesihatan Ibu dan Anak

- a) Aktiviti antenatal seperti 'booking' dan lawatan susulan bagi kes antenatal.
- b) Perkhidmatan perancang keluarga.

7.3 Perkhidmatan Farmasi

- a) Kaunseling ubat-ubatan (termasuk peralatan ubat-ubatan)
Contoh: Inhaler, Insulin pen dan lain-lain.
- b) Kaunseling *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC).
- c) Kaunseling Khidmat Berhenti Merokok (Rawatan Farmaseutikal).

7.4 Perkhidmatan Terapi Cara Kerja






- a) Latihan dan bimbingan untuk penjaga bagi kes berikut;
 - i. Ketidakfungsian fizikal.
 - ii. Kesihatan minda sihat.
 - iii. Kesihatan warga emas.
 - iv. Kanak-kanak berkeperluan khas dan pediatrik.
- b) Latihan dan bimbingan untuk pesakit melibatkan intervensi;
 - i. Aktiviti kehidupan seharian (*Activity of Daily Living - ADL*)
 - ii. Latihan kognitif dan persepsi.
 - iii. Latihan pencegahan kecederaan.
 - iv. Kemahiran perkembangan kanak-kanak.
 - v. Kemahiran sosial, bermain dan rekreasi.
 - vi. Kecederaan tangan dan muskuloskeletal.
 - vii. Kesihatan minda sihat.
 - viii. Promosi kesihatan dan pencegahan.

7.5 Perkhidmatan Dietetik

- a) Konsultasi individu.
- b) Konsultasi berkumpulan.
- c) *Multi-Disciplinary Team* (MDT)
- d) Kelas pendidikan.

7.6 Perkhidmatan Fisioterapi

- a) Konsultasi Individu;
 - i. Bagi kes Pesakit Luar Am merangkumi NCD seperti Diabetes, Hipertensi, Hiperlipidemia, Obesiti tanpa komplikasi serius, kes muskuloskeletal seperti kecederaan otot dan tisu lembut yang tanpa komplikasi serius, kes ergonomik merangkumi pesakit '*Return to Work*', kes pulmonari yang memerlukan perawatan pulmonari *reconditioning therapy* asas dan kes antenatal meliputi ibu mengandung dengan *Gestational Diabetes Mellitus* (GDM), Hipertensi dan Obesiti.

- 
- 
- 
- 
- 
- ii. Bagi kes rujukan baru yang tiada data penilaian klinikal fisioterapi terkini atau data tidak dapat diperolehi, konsultasi secara bersemuka perlu dijalankan.
 - iii. Bagi rawatan susulan kes Pediatrik dengan diagnosa umum tanpa komplikasi dan berisiko rendah seperti *Global Developmental Delay* (GDD). Namun, penilaian klinikal fisioterapi awal haruslah dilakukan secara bersemuka terlebih dahulu.

b) Konsultasi Berkumpulan;

- i. Konsultasi berkumpul adalah bertujuan untuk memberikan penerangan asas tentang penyakit dan kawalan penyakit melalui aktiviti amalan klinikal fisioterapi.
- ii. Konsultasi ini boleh dijalankan terhadap;
 - Kes-kes baru dengan diagnosa umum tanpa komplikasi serius yang dirujuk kepada Pegawai Fisioterapi. Bagi kes dengan diagnosa umum tanpa komplikasi serius namun dinilai berisiko tinggi maka rawatan susulan secara individu perlu diberikan samada secara maya atau bersemuka.
 - Kes rujukan baru yang tidak pernah mendapat perkhidmatan fisioterapi. Kes bagi program terapi senaman terapeutik seperti bagi kumpulan pesakit antenatal/postnatal merangkumi senaman persediaan sebelum dan selepas bersalin, pesakit NCD tanpa komplikasi dan tidak berisiko tinggi serta *well-elderly* tanpa komplikasi dan tidak berisiko tinggi.

c) *Multi-disciplinary Team* (MDT);

- i. Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya juga boleh dijalankan bagi program MDT samada secara individu atau berkumpul.
- ii. Sesi konsultasi ini dijalankan bersama anggota kesihatan yang lain.
- iii. MDT dijalankan untuk kes-kes NCD yang memerlukan rawatan secara bersepadu.

d) Kelas Pendidikan;

- i. Kelas pendidikan boleh dijalankan kepada pesakit/keluarga/penjaga.
- ii. Semasa kelas pendidikan, tiada penilaian fisioterapi asas dijalankan terhadap pesakit. Penerangan hanya akan diberikan secara umum tanpa spesifik kepada rawatan setiap individu.

8. Kriteria Pelanggan

Kriteria pelanggan terdiri daripada;

- 8.1. Pelanggan yang berdaftar dan mempunyai rekod rawatan dengan klinik kesihatan.
- 8.2. Pelanggan yang memerlukan rawatan susulan bagi NCD, CDC, *Respiratory Disease*, PT, OT, Dietetik yang ada janji temu untuk pemantauan rapi.
- 8.3. Pelanggan yang memerlukan semakan keputusan makmal.
- 8.4. Pelanggan bagi rawatan susulan (**Lampiran 4**).

9. Tadbir Urus

- 9.1 Anggota Pelaksana;
Anggota Pelaksana yang terlibat dalam pelaksanaan perkhidmatan ini adalah seperti berikut.
 - a) Konsultasi;
 - i) Pakar Perubatan Keluarga (Penyelia)
 - ii) Pegawai Perubatan
 - iii) Pegawai Farmasi
 - iv) Pegawai Terapi Cara Kerja
 - v) Pegawai Fisioterapi
 - vi) Pegawai Dietetik
 - b) Sokongan Teknikal;
 - i) Pegawai Teknologi Maklumat
 - c) Pegawai Penyelaras – Paramedik;
 - i) Penolong Pegawai Perubatan
 - ii) Jururawat
 - d) Anggota lain yang terlibat; Kaunselor, Pegawai Pemakanan dan lain-lain.

9.2 Tanggungjawab Anggota Pelaksana;

Bil	Kategori	Tugas
1.	Pakar Perubatan Keluarga (Penyelia)	<ul style="list-style-type: none"> a) Memantau pelaksanaan perkhidmatan. b) Memberi input teknikal. c) Menyelia sesi konsultasi. d) Menjalankan konsultasi sekiranya diperlukan.
2.	Pegawai Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> a) Menjalankan konsultasi mengikut jadual. b) Menyediakan Pelan Rawatan sebelum sesi dan mengemaskini selepas sesi konsultasi. c) Merancang janji temu susulan. d) Pemantaun pelaporan aktiviti (Lampiran 5).
3.	Penyelaras; i. Penolong Pegawai Perubatan ii. Jururawat	<ul style="list-style-type: none"> a) Menyelaras kelancaran pelaksanaan perkhidmatan. b) Menyediakan jadual sesi konsultasi yang sesuai bagi Pegawai yang menjalankan konsultasi. c) Mengurus dan mengemaskini sistem janji temu di dalam sistem <i>Google Meet</i>, <i>MyGovUC 2.0</i>. d) Menyediakan rekod pelanggan/keputusan makmal dan yang berkaitan sebelum sesi konsultasi. e) Mengurus maklumat pelanggan sebelum dan selepas sesi konsultasi. f) Mengemaskini data melalui reten yang disediakan (Lampiran 5). g) Bertindak sebagai pegawai penghubung di antara klinik kesihatan dan pelanggan.

4.	Pegawai Teknologi Maklumat (PKD/JKN)	<p>a) Memastikan ketersediaan infrastruktur ICT (perkakasan dan rangkaian).</p> <p>b) Bagi Klinik TPC/TPC-OHCIS, Pegawai perlu membantu pemasangan/instalasi Sistem TPC pada perkakasan komputer riba yang dibekalkan dan mewujudkan akaun pengguna TPC/TPC-OHCIS serta memastikan sistem dapat di akses.</p> <p>c) Membantu menyelesaikan isu teknikal berkaitan perkakasan, rangkaian dan aplikasi Google Meet, MyGovUC 2.0.</p> <p>d) Bertindak sebagai pegawai penghubung teknikal di antara klinik kesihatan dan KKM.</p>
5.	Pegawai Farmasi	<p>a) Menjalankan konsultasi mengikut jadual.</p> <p>b) Menyediakan Pelan Rawatan sebelum dan mengemaskini selepas konsultasi.</p> <p>c) Merancang janji temu susulan.</p> <p>d) Pemantauan pelaporan aktiviti (Lampiran 5).</p>
6.	<i>Allied Health</i> ; i. Pegawai Fisioterapi ii. Pegawai Terapi Cara Kerja iii. Pegawai Dietetik	<p>a) Menjalankan konsultasi mengikut jadual.</p> <p>b) Menyediakan Pelan Rawatan sebelum dan mengemaskini selepas konsultasi.</p> <p>c) Merancang janji temu susulan.</p> <p>d) Pemantauan pelaporan aktiviti (Lampiran 5).</p>

10. Proses Kerja

10.1. Pendaftaran Pelanggan;

- a) Perkhidmatan ini dijalankan secara sistem janji temu di mana setiap pelanggan yang bersetuju perlu didaftarkan ke dalam sistem janji temu klinik.
- b) Pelanggan perlu diberi maklumat yang lengkap berkaitan pelaksanaan perkhidmatan ini. Jika pelanggan bersetuju, persetujuan secara bertulis perlu diperolehi daripada pelanggan (**Lampiran 3**).
- c) Pelanggan perlu mempunyai akaun emel yang sah untuk menerima maklumat yang diberikan oleh anggota kesihatan mengenai Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya. Konsultasi boleh dilaksanakan samada dengan menggunakan telefon pintar, komputer atau tablet.
- d) Kekerapan sesi konsultasi dilaksanakan adalah mengikut jadual yang ditetapkan oleh klinik kesihatan. Hari dan masa sesi konsultasi dilaksanakan mengikut kesediaan klinik berdasarkan beban kerja serta bilangan anggota yang sedia ada.
- e) Bilangan pelanggan yang dipilih pada setiap sesi bergantung kepada slot yang disediakan oleh penyelaras Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya.

10.2. Langkah-langkah pendaftaran pelanggan;

- a) Kenalpasti pelanggan berdasarkan kriteria pemilihan pelanggan di **Lampiran 4**.
- b) Pastikan pelanggan menandatangani Borang Persetujuan Konsultasi Secara Maya dan disaksikan oleh Pakar Perubatan Keluarga/Pegawai Perubatan/Penyelia Penolong Pegawai Perubatan/Penyelia Jururawat.
- c) Maklumkan kepada pelanggan bahawa mereka tidak akan dilihat oleh pegawai perubatan yang sama semasa sesi konsultasi.
- d) Pelanggan perlu bersetuju dengan syarat-syarat iaitu;
 - i. Sebarang rakaman sepanjang sesi konsultasi tidak boleh ditular/dikongsi/disebar kepada pihak luar.
 - ii. Rakaman tidak boleh digunakan sebagai bukti untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap KKM.
- e) Pastikan pelanggan mempunyai emel yang sah.
- f) Dapatkan alamat emel pelanggan terlebih dahulu. Sekiranya tiada, pelanggan perlu mewujudkan emel terlebih dahulu.
- g) Beri tarikh dan masa janji temu berdasarkan slot yang telah ditetapkan.

10.3. Sesi Konsultasi

- a) Pra-Konsultasi;
 - i. Sediakan bilik/ruang khas untuk tujuan konsultasi bagi menjaga kerahsiaan dan privasi pelanggan.
 - ii. Sebelum menjalankan konsultasi, pegawai yang menjalankan konsultasi perlu terlebih dahulu:
 - Menyemak senarai nama pelanggan dalam sistem janji temu.
 - Menyemak status klinikal serta keputusan ujian makmal pesakit.
 - Menyediakan draf Pelan Rawatan mengikut kategori skop perkhidmatan.
 - iii. Pelanggan perlu diberi peringatan dua (2) hari sebelum tarikh sesi konsultasi berserta pengesahan kehadiran.
 - iv. Jika pihak klinik ingin membatalkan sesi konsultasi atas sebab yang tidak dapat dielakkan, pelanggan harus dimaklumkan sekurang-kurangnya 24 jam sebelum sesi dilaksanakan dan sebaliknya.
 - v. Pengurusan pesakit kronik perlu berlandaskan CPG, Polisi, Pekeliling dan SOP sedia ada dan terkini.
- b) Konsultasi;
 - i. Maklumkan kepada pelanggan tarikh dan masa sebelum sesi konsultasi bermula samada melalui panggilan telefon, SMS, *Whatsapp* atau emel.
 - ii. Lakukan verifikasi maklumat pelanggan menggunakan;
 - Nama.
 - Nombor Kad Pengenalan.
 - Kategori kumpulan sasaran.
 - Tarikh lawatan terakhir ke klinik kesihatan/janji temu.
 - iii. Mulakan sesi konsultasi.
 - iv. Slot sesi masa konsultasi bagi setiap pelanggan adalah berbeza, bergantung kepada tempoh masa konsultasi setiap pelanggan. Tiada ketetapan tempoh masa, ia sekurang-kurangnya 15-20 minit dan ini termasuk penyelesaian pelaporan untuk pelanggan.
 - v. Penentuan tarikh janji temu lawatan susulan bergantung kepada penilaian klinikal oleh pegawai yang menjalankan konsultasi.
 - vi. Sesi konsultasi akan dihentikan jika;
 - Talian internet tidak stabil semasa sesi konsultasi.
 - Mana-mana pihak didapati melanggar etika semasa sesi konsultasi.

- vii. Sekiranya sesi konsultasi terputus disebabkan faktor talian, hubungi semula pelanggan dan atur janji temu secara maya untuk sesi seterusnya atau hadir fizikal ke klinik.
 - viii. Pelanggan berhak untuk tidak meneruskan sesi konsultasi atas pilihan sendiri dan perlu memaklumkan kepada pihak klinik dalam tempoh masa 24 jam.
- c) Pasca-Konsultasi;
- i. Maklumat Pelan Rawatan pelanggan selepas sesi konsultasi perlu didokumentasikan di dalam rekod pesakit.
 - ii. Rekod dan kemaskini tarikh janji temu susulan di dalam sistem.
 - iii. Penyediaan slip preskripsi ubat ulangan melalui *Value Added Services (VAS)*; Perkhidmatan Farmasi pandu lalu, pos, fizikal dan lain-lain.
 - iv. Pastikan log keluar yang betul dari sistem.

11. Penyimpanan Data Rekod

- 11.1. Data yang telah direkod perlu dicetak dan simpan dalam buku rekod atau dokumenkan di dalam buku rekod pelanggan untuk rujukan.
- 11.2. Bagi Klinik TPC, penyimpanan rekod demografi dan klinikal adalah secara berpusat di pangkalan data TPC.

12. Teknikal (ICT)

- 12.1. Keperluan teknikal di klinik;
 - a) Komputer/komputer riba yang dilengkapi dengan *webcam*, *headset* dan mikrofon.
 - b) Talian internet untuk VC google meet dengan *bandwidth* minima 3Mbps.
 - c) Capaian hendaklah menggunakan *Local Area Network (LAN)/ Network Port*.
 - d) Maklumat pelayar (*web browser*) yang diperlukan;
 - i. Jenis Pelayar: *Google Chrome* - stabil.
 - ii. Jenis pelayar lain: Pelayar yang terkini bagi *Firefox* (Mozilla Foundation), *Microsoft Edge* (Microsoft) dan *Safari* (Apple).
 - e) Menggunakan akaun emel rasmi MyGovUC 2.0.
 - f) Mendapatkan alamat emel pelanggan yang sah.
 - g) Dokumen MyGovUC 2.0 Manual Persidangan Dalam Talian Google Meet v1.0 adalah seperti di **Lampiran 6a**.
 - h) Dokumen MyGovUC 2.0 Tetapan Port Rangkaian v1.1 adalah seperti di **Lampiran 6b**.

12.2. Keperluan teknikal pelanggan;

- a) Komputer/komputer riba yang dilengkapi dengan *webcam*, *headset* dan mikrofon, telefon pintar (*Smart Phone*)/*Tablet*.
- b) Talian internet dengan data plan yang mencukupi dan stabil (disarankan tidak menggunakan pra bayar).
- c) Maklumat pelayar (web browser) yang diperlukan:
 - i. Jenis Pelayar: Google Chrome - stabil.
 - ii. Jenis pelayar lain: Pelayar yang terkini bagi *Firefox* (Mozilla Foundation), *Microsoft Edge* (Microsoft) dan *Safari* (Apple).
- d) Pelanggan mempunyai alamat emel yang sah.

13. Medikolegal

- 13.1. Implikasi perundangan dalam pelaksanaan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini adalah penting dan perlu diberi perhatian bagi melindungi anggota pelaksana.
- 13.2. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi mengelakkan sebarang isu berkaitan medikolegal yang boleh timbul dan membabitkan anggota pelaksana khususnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia amnya;
 - a) Mendapatkan kebenaran dan persetujuan pelanggan menggunakan Borang Persetujuan Konsultasi Secara Maya (BPKK/VC/2020 PINDAAN 1-2022).
 - b) Mendokumen dan menyimpan maklumat peribadi dan klinikal pelanggan.
 - c) Mematuhi *Clinical Practice Guideline* (CPG), *Standard Operating Procedure* (SOP), polisi, pekeliling dan lain-lain dalam pengurusan pelanggan.
 - d) Membenarkan pegawai yang menjalankan konsultasi menghentikan sesi sekiranya pelanggan didapati melanggar etika semasa sesi konsultasi.
- 13.3. Pegawai Perubatan adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993[Pu (A) 395]. Dengan itu, Pegawai Perubatan adalah tertakluk sebagaimana dinyatakan di Peraturan 4(2)[P.U.(A)395] di mana Pegawai Perubatan hendaklah menjaga tutur kata etika kerja Ketika sesi konsultasi bersama pesakit dan tidak seharusnya berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh mencemarkan imej jabatan.

- 13.4. Selain itu, Pegawai Perubatan juga adalah tertakluk kepada Peraturan 6[P.U.(A)396] di mana Pegawai Perubatan hendaklah menjaga tatacara berpakaian yang sepatutnya dan tidak berpakaian dengan apa-apa cara yang boleh mencemarkan imej jabatan ketika menjalankan sesi konsultasi bersama pesakit. Pegawai Perubatan disarankan untuk memakai kot putih dan tag nama sepanjang sesi konsultasi dilakukan.
- 13.5. Pegawai Perubatan juga perlu mematuhi etika dan amalan perubatan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Medical Council* (MMC) dan merujuk kepada *Advisory on Virtual Consultation during the COVID-19 Pandemic*.

14. Caj Perkhidmatan/Fi

Pada masa Garis Panduan ini disediakan, tiada caj dikenakan kepada pelanggan bagi menggunakan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini. Walau bagaimanapun, caj mungkin akan dikenakan mengikut Akta Fi, Bahagian Kewangan, KKM di masa akan datang.

15. Pemantauan dan Penilaian

Pengalaman pelanggan dan anggota pelaksana perkhidmatan ini akan menjadi faktor kepada penilaian keberkesanan perkhidmatan ini. Pelaksanaan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini dipantau menggunakan indikator yang akan dianalisa di Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga seperti berikut;

- 15.1. Maklumat demografi pelanggan.
- 15.2. Bilangan pelanggan yang berdaftar, pelanggan baru dan kumulatif.
- 15.3. Bilangan sesi konsultasi yang berjaya dilaksanakan.
- 15.4. Bilangan kecaciran pelanggan.
- 15.5. Bilangan jenis skop perkhidmatan yang disediakan secara maya.

16. Pengumpulan Data/Reten

- 16.1. Rekod dan dokumentasi;
 - a) Pegawai yang bertanggungjawab berkenaan reten dan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya perlu menghantar reten kepada pihak BPKK secara bulanan.
 - b) Maklumat reten dan format adalah seperti di **Lampiran 5**.
 - c) Penyeliaan teknikal secara berkala hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan yang menjaga dan penyelia.
 - d) Kualiti perkhidmatan dipantau menggunakan prosedur pemantauan sedia ada. Setiap anggota yang terlibat perlu mematuhi kod etika profession dan etika anggota perkhidmatan awam di amalkan pada setiap masa.
 - e) Penyediaan perkhidmatan perlu mematuhi CPG dan SOP mengikut aktiviti atau program yang telah ditetapkan.

17. Rujukan

1. Garis Panduan Klinik Virtual, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga 2019.
2. Garis Panduan Klinik Virtual Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga 2020.
3. Dokumen Plan Strategik Pendigitalan (PSP) KKM:
[https://Www.Moh.Gov.My/Moh/Modules_Resources/Bookshelf/PELAN_STRATEGIK_PENDIGITALAN_\(PSP\)_KKM_2021-2025/index.html](https://Www.Moh.Gov.My/Moh/Modules_Resources/Bookshelf/PELAN_STRATEGIK_PENDIGITALAN_(PSP)_KKM_2021-2025/index.html)
4. Ringkasan Eksekutif Plan Strategik Pendigitalan (PSP) KKM:
https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Penerbitan%20Utama/RINGKASAN_EKSEKUTIF_PSP_KKM_2021-2025.pdf
5. *Malaysian Medical Council Advisory on Virtual Consultation (during the Covid19 pandemic)*
https://mmc.gov.my/wp-content/uploads/2020/04/MMC_virtualconsultationADVISORY.pdf
6. *Laws Of Malaysia , Act 564 Telemedicine Act 1997 [Reprint 2002]*
http://www.commonlii.org/my/legis/consol_act/ta1997113/


PROSES KERJA 1

GOOGLE MEET, MYGOVUC2.0 (KLINIK KESIHATAN TANPA ELECTRONIC MEDICAL RECORD - EMR)



PROSES KERJA 2

GOOGLE MEET, MYGOVUC DAN TPC/TPC-OHCIS



Lampiran 3
(BPKK/VC/2020-PINDAAN1- 2022)

BORANG PERSETUJUAN
PERKHIDMATAN KONSULTASI SECARA MAYA

Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya adalah penyampaian perkhidmatan kesihatan secara maya (virtual), langsung (live) dan interaktif yang merangkumi konsultasi klinikal dan pelan rawatan pelanggan di antara anggota kesihatan dan pelanggan. Perkhidmatan ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan penjarakkan sosial dan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berterusan setaraf dengan kemajuan teknologi.

Saya telah diberi penerangan oleh Pengamal Perubatan tentang pelaksanaan Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini dan bersetuju;

1. Untuk menyertai Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya ini.
2. Maklumat klinikal semasa sesi konsultasi boleh dikongsi dengan Pengamal Perubatan lain untuk tujuan rujukan sekiranya perlu, bagi kesinambungan perawatan.
3. Sebarang rakaman video atau audio sepanjang sesi konsultasi secara maya ini tidak boleh ditular/dikongsi/disebar kepada pihak luar oleh kedua-dua pihak.
4. Rakaman tidak boleh digunakan sebagai bukti untuk tindakan undang-undang terhadap KKM.
5. Pengamal perubatan yang bertugas boleh memberhentikan konsultasi jika:
 - a) Berlaku gangguan akses capaian internet atau sebarang masalah teknikal.
 - b) Jenis perubatan tiada berkaitan dengan tujuan konsultasi kesihatan saya.
6. Saya berhak untuk tidak meneruskan konsultasi secara maya ini atas pilihan saya sendiri.
7. Saya akan hadir/membawa pelanggan hadir ke klinik sekiranya terdapat keperluan untuk pemeriksaan lanjutan.

Ditandatangani:

.....
(Pesakit/penjaga)
Nama :
No. K/P :
Tarikh :
Jika penjaga,
hubungan dengan pelanggan :
Nama pelanggan :
No. K/P :

.....
(Saksi**)
Nama :
No. K/P :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Klinik kesihatan :

Peringatan:

Pelanggan perlu dibuat persediaan awal bagi janji temu untuk Pehidmatan Konsultasi Secara Maya seperti yang ditetapkan.

* Saksi boleh terdiri dari Pakar Perubatan Keluarga/Pegawai Perubatan/Penyelia Penolong Pegawai Perubatan/Penyelia Jururawat

Lampiran 4

PANDUAN KRITERIA PEMILIHAN DAN PEMANTAUAN PESAKIT BAGI PERKHIDMATAN KONSULTASI SECARA MAYA.

UNIT IBU DAN ANAK					
KEADAAN/ PENYAKIT	KRITERIA PESAKIT	BAHAN/ ALAT YANG DIPERLUKAN	PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN	KEKERAPAN	ANGGOTA KESIHATAN
Ibu dengan gestational diabetes	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pesakit GDM berisiko rendah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rekod. ▪ Memiliki glucometer dan dapat menguasai teknik penggunaan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai bacaan gula dan memberi rawatan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 2-4 minggu sekali. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pakar Perubatan Keluarga ▪ Pegawai Perubatan
Mengkaji keputusan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengkaji keputusan gula (OGTT) yang normal sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rekod. ▪ Ketersediaan keputusan OGTT. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memberi khidmat nasihat. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut keperluan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pegawai Perubatan
Ibu mengandung Anemia	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua pesakit dengan anemia. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keputusan HB <11 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ceramah pendidikan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Sekali dan mengikut keperluan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pegawai Sains Pemakanan
Pengukuran Antropometri	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kanak-kanak berisiko rendah & untuk penilaian rutin. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rekod. ▪ Alat pengukur tinggi. ▪ Penimbang berat. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai dan Dokumentasikan bacaan antropometri. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut jadual dan mengikut keperluan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jururawat Masyarakat ▪ Jururawat terlatih
Penilaian perkembangan & saringan autism	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Semua bayi ▪ Kanak-kanak <5 tahun. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rekod ▪ Senarai semak M-Chat ▪ Alat penilaian seperti permainan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai perkembangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut jadual dan mengikut keperluan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jururawat Masyarakat ▪ Jururawat Terlatih
Kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme, ADHD, Disleksia	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ibu bapa ▪ Penjaga 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rekod. ▪ Borang penilaian yang bersesuaian. ▪ Alat penilaian seperti barangan kehidupan harian. ▪ Permainan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai perkembangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut jadual rutin dan mengikut keperluan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pakar Perubatan Keluarga ▪ Pegawai Perubatan

PENYAKIT BERJANGKIT					
KEADAAN/ PENYAKIT	KRITERIA PESAKIT	BAHAN/ALAT YANG DIPERLUKAN	PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN	KEKERAPAN	ANGGOTA KESIHATAN
Pesakit Tuberkulosis (TB)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pesakit yang stabil dan telah menerima rawatan sekarang-kurangnya 2 minggu. ▪ Pesakit yang menunjukkan kepatuhan DOTS yang baik. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Buku rawatan TB pesakit ▪ Bekalan ubat TB yang mencukupi (dibekalkan seminggu sekali). 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Memastikan ubat ditelan. ▪ Menilai kesan sampingan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad & cuti am. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penolong Pegawai Perubatan ▪ Jururawat
Menilai keputusan kahak AFB	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pesakit OPD yang telah memberikan ujian kahak AFB. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rekod pesakit ▪ Ketersediaan keputusan kahak AFB yang negatif. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai simptom & memberi pelan rawatan yang bersesuaian. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut keperluan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pegawai Perubatan ▪ Penolong Pegawai Perubatan
Pesakit kontak rapat pesakit TB	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pesakit kontak rapat yang tidak dapat hadir janji temu secara fizikal. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rekod saringan kontak. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menilai simptom. ▪ Memberi khidmat nasihat. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikut jadual saringan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pegawai Perubatan ▪ Penolong Pegawai Perubatan
